

80 sukarelawan Relasis, Suksis UTHM bantu mangsa banjir

PRIHATIN. Seramai 80 sukarelawan yang terdiri daripada pelajar Brigid Rela Siswa Siswi (Relasis) dan Kor Sukarelawan (Suksis) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), menyertai Misi Bantuan Pasca Banjir di Pekan, Pahang baru-baru ini.

Pengarah Pusat Kokurikulum UTHM, Prof. Madya Dr. Ahmad Esa berkata, Misi Bantuan Pasca Banjir memfokuskan kepada kerja-kerja pengasingan dan pengagihan barang-barang bantuan serta pembersihan

kawasan sekolah, masjid dan klinik di daerah itu yang rosak teruk akibat banjir.

"Selain kerja-kerja pembersihan, pasukan sukarelawan turut membantu mengasing dan mengagihkan barang-barang bantuan serta memberi khidmat nasihat dan sokongan moral kepada mangsa bagi meringankan beban yang ditanggung," katanya.

SUKARELAWAN Relasis dan Suksis UTHM bergambar kenangan selepas Misi Bantuan Pasca Banjir di Pekan baru-baru ini.



**Komuniti
Kita**

Gambar dan berita yang
disiarkan dalam Komuniti Kita
kini boleh diakses di laman web
www.kosmo.com.my

